

PROGRAM JIWA MURNI MERAIKAN GELANDANGAN SEKITAR PULAU PINANG

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4154-program-jiwa-murni-meraikan-gelandangan-sekitar-pulau-pinang

GEORGE TOWN, 15 Nov 18. Program Jiwa Murni INSKEP - Sentuhan Kasih Terhadap Gelandangan anjuran Cawang Materiel dan Staf Awam Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah diadakan di sekitar bandaraya Pulau Pinang.



Turut hadir dalam program tersebut adalah Pegawai Memerintah INSKEP Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM dan Pengerusi BAKAT INSKEP Puan Noor Hafiza binti Zainol.



Program kemasyarakatan yang merangkumi lawatan, pemberian makanan dan perkhidmatan gunting rambut percuma yang julung kali diadakan ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama dari seluruh Staf INSKEP, Ahli - Ahli BAKAT INSKEP, JKKK Taman Sri Setia, Tesco Pulau Pinang, MARES dan Mutiara Foodbank.



Tahniah buat Mej Nur Ain binti Mohd Nasir TUDM selaku Mission Commander pada kali ini bersama En Mohd Fazli dan En Tahir selaku Deputy Mission Commander.



